


Headline	Raih lebih RM1,000 sehari		
MediaTitle	Mingguan Sarawak		
Date	09 Jun 2019	Color	Full Color
Section	Ekonomi	Circulation	37,981
Page No	E1	Readership	113,943
Language	Malay	ArticleSize	880 cm ²
Journalist	EARL ANEK	AdValue	RM 3,284
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 9,852



Raih lebih **RM1,000** sehari



- Jual 500 hingga 1,000 biji nenas sehari.
- Nanas Moris dan nenas Madu masing-masing dijual pada harga RM2 dan RM3 sebiji.
- Bekalan nenas ini diperolehi dari Ladang Kontrak Luba Stubah, Jalan Tanjung Manis FAMA Bahagian Sarikei.
- Pernah menjual nenas sehingga ke Kuching, Limbang, Kuala Lumpur.

.....
EARL ANEK

SARIKEI: Permintaan tinggi terhadap nenas segar pada musim perayaan Hari Gawai Dayak dan Hari Raya Aidilfitri memberi pulangan lumayan kepada seorang peniaga dan isterinya hingga mampu menjual 500 hingga 1,000 biji nenas sehari.

Sudup Sintan, 50-an berkata, kebanyakan nenas yang dijualnya diborong oleh peniaga dan pemborong nenas di Sarikei.

"Ketika ini, saya menjual dua jenis nenas iaitu nenas Madu dan nenas Moris. Selalunya nenas jenis Moris menjadi pilihan pelanggan kerana saiznya yang lebih kecil dan digunakan untuk membuat jem nenas.

"Harga nenas Moris yang saya jual di sini ialah RM2 sebiji dan bagi nenas Madu ialah RM3 sebiji," katanya.

Sudup berkata demikian semasa ditemubual pemberita Utusan Sarawak di tapak gerainya di luar pekarangan Pasar Sentral Sarikei, pagi semalam.

"Bekalan nenas ini diperolehi di Ladang Kontrak Luba Stubah, Jalan Tanjung Manis dari Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) Bahagian Sarikei. "Saya sudah menjual nenas sejak lebih dua tahun. Melalui program Ladang Kontrak dari FAMA ini, saya pernah menjual nenas sehingga ke Kuching, Limbang, Kuala Lumpur dan banyak lagi tempat lain," ujarnya.

Tambahnya, setiap minggu pada hari Jumaat, Sabtu dan Ahad beliau dan isteri-

nya juga turut menghantar nenas untuk dijual kepada peniaga dan pemborong nenas.

"Kadang-kadang ada peniaga nenas dari Mukah datang sendiri ke ladang nenas di Ladang Kontrak Luba Stubah mengambil kira-kira 200 hingga 300 biji buah nenas untuk dijual di pasar tamu.

"76 ekar tanah di Ladang Kontrak Luba Stubah adalah untuk penanaman buah nenas," jelasnya.

Dalam pada itu, program Ladang Kontrak ini merupakan

salah satu program yang diperkenalkan di bawah Rancangan Malaysia Ke-9.

Program Ladang Kontrak diperkenalkan sebagai salah satu mekanisme untuk membantu pengusaha pertanian berskala kecil dan sederhana dalam menjamin pengeluaran hasil pertanian mereka mendapat pulangan yang setimpal.



MELAYAN PELANGGAN... Sudup dan isterinya melayan pembeli buah nenas yang datang ke tapak gerai mereka di luar pekarangan Pasar Sentral Sarikei, pagi semalam.



TERBAIK... Sudup Sintan menunjukkan isyarat bagus untuk buah nenas yang dijualnya.



SOKONGAN... Sudup menjual nenas dengan bantuan isterinya.